

27 JUL 2002

Mahathir-Generasi Muda

MAHATHIR LEGA GENERASI MUDA TIDAK EKSTRIM

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan rasa lega beliau kerana generasi muda di negara ini tidak bersikap ekstrime.

Dr Mahathir percaya berdasarkan sikap itu, generasi muda akan dapat meneruskan usaha memajukan negara pada masa hadapan .

"Saya rasa selesa kerana generasi baru sederhana dan bertoleransi. Saya pasti negara akan terus harmoni," katanya pada perhimpunan Satu Negara Kasih Semua di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir berkata mereka yang tidak bersikap ekstrime merupakan golongan yang sayangkan negara dan mahukan keharmonian berbilang kaum kekal sampai bila-bila.

Beliau juga berkata soal sama ada Malaysia akan menjadi sebuah negara maju seperti yang dihasratkan dalam wawasan 2020 bergantung kepada generasi muda.

"Saya memberi tabik hormat kepada generasi muda kerana Wawasan 2020 adalah milik anda... jika kita (Malaysia) menjadi negara maju menjelang 2020, kamu akan menikmati kehidupan yang lebih baik," katanya.

Dr Mahathir juga berharap generasi muda akan sentiasa mengenang jasa pemimpin negara yang terdahulu seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Siew Chin dan Tun Sambathan.

Beliau berkata mereka adalah pemimpin sederhana yang telah meletakkan asas perpaduan kaum serta sikap toleransi rakyat di negara ini.

"Oleh itu kita tidak harus lupa kepada jasa-jasa mereka yang telah mencipta kerjasama antara berbilang kaum dan agama di negara ini, " katanya.

Dr Mahathir berkata ketika Malaysia mencapai kemerdekaan 44 tahun dahulu, banyak pihak mengatakan negara ini tidak mungkin aman dan maju kerana penduduknya terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Tetapi berkat sikap sederhana, rakyat dapat hidup aman dan sama-sama bekerja untuk memajukan negara, kata Perdana Menteri.

Perdana menteri berkata sikap toleransi yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia adalah unik dan tidak terdapat di negara lain yang berbilang kaum.

"Saya bersyukur kerana sebahagian besar rakyat tidak bersikap keterlaluan dan sanggup berkongsi kuasa politik dan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah lebih baik jika semua kaum berkongsi kek ekonomi bersama-sama daripada hanya satu kaum memonopolinya.

Dr Mahathir yakin keamanan akan terus berkekalan selagi rakyat tidak bersikap ekstrime dan mengamalkan sikap toleransi kaum yang diamalkan sejak sekian lama.

Kira-kira 50,000 orang, kebanyakannya generasi muda, berhimpun di Stadium Bukit Jalil bagi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas khidmat baktinya memajukan negara selama ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali serta menteri-menteri kabinet.

-- BERNAMA  
AKT AKT LAT